



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

31 MEI 2024 (JUMAAT)

Penternak Bimbang Alami Rugi Besar

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------|---------|------------|--------|
| Kosmo! | Negara | 16 | 31 Mei |

Pelanggan batal tempahan 40 ekor lembu korban saat akhir sebab masalah kewangan

Penternak bimbang alami rugi besar

Oleh ROHANA MOHD. NAVI


KOTA BHARU - Seorang penternak lembu bimbang mengalami kerugian besar selepas pelanggan yang menguruskan paket korban membatakan tempahan 40 ekor lembu ketika sambutan Hari Raya Aidiladha berbaik kurang tiga minggu lagi.

Azhar Che Abdullah, 53, dari Kampung Tebing Tinggi, Pengkalan Chepa di sini berkata, empat individu yang menguruskan paket korban itu memberi alasan pelanggan mereka yang terdiri daripada golongan petani menghadapi masalah kewangan untuk melakukan ibadah korban pada tahun ini.

Menurutnya, difahamkan petani-petani itu menanggung kerugian apabila hasil padi terjejas teruk pada tahun ini ekoran musim kemarau sejak lebih dua bulan lalu.

"Keadaan itu menyebabkan saya perlu mencari pelanggan baharu sebelum Hari Raya Aidiladha. Jika tidak, saya akan menanggung kerugian besar.

"Setakat ini, sebanyak 50 ekor



lembu yang saya ternak di kandang masih kosong dan tiada pembeli. Kebiasannya, jumlah tersebut sudah habis ditempah sebulan sebelum Hari Raya Aidiladha," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Katanya, jualan lembu korban pada tahun ini merosot sebanyak 70 peratus apabila dia mampu menjual sebanyak 1,200 ekor lembu pada tahun lalu berbanding 800 ekor tahun ini.

Ujarnya, jualan lembu korban pada tahun ini juga tidak serancak tahun lepas meskipun harga lembu masih kekal dalam lingkungan RM3,500 hingga RM4,500 seekor.

"Saya sudah membeli lembu-lembu tersebut selepas mereka menyatakan persetujuan sebelum ini.

"Sebaliknya mereka membantalkan tempahan semasa proses akhir untuk penghantaran lembu," ujarnya.

Kata Azhar, dia berkemungkinan menjual 40 ekor lembu itu pada harga sedikit murah agar haiwan ternaknya itu habis terjual sebelum Aidiladha.

AZHAR menunjukkan lembu-lembu yang dibatalkan tempahan oleh pelanggan di kandangnya di Kampung Tebing Tinggi, Pengkalan Chepa, Kota Bharu semalam. -ROHANA MOHD. NAVI

Jual 'Joni' RM 14,000

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|--------|---------|------------|--------|
| Kosmo! | Negara | 18 | 31 Mei |



MOHAMAD ZULFIKA membelai 'Joni' ketika ditemui di Felda Kota Gelanggi Empat, Jerantut semalam.

Jual 'Joni' RM14,000

JERANTUT – Biarpun baru tiga bulan membela lembu sado untuk tujuan pembiakan, seorang penternak nekad menjual haiwan ternakannya itu selepas mendapat tawaran harga tinggi daripada pembeli di Melaka.

Mohamad Zulfika Hassan, 29, berkata, meskipun pada awalnya dia tidak merancang menjual lembu jantan seberat lebih 700 kilogram (kg) itu, namun harga RM14,000 yang ditawarkan seorang pelanggan membuatkan dia membatalkan niat tersebut.

"Saya sempat bersama 'Joni' (penggilan lembu) selama tiga bulan dan hari ini (semalam) ia akan dihantar kepada pembelinya di Melaka dengan lori."

"Sepanjang dalam jagaan saya, 'Joni' diletakkan di kandang khas dan diberi makan pallet dan rumput," katanya ketika ditemui di Felda Kota Gelanggi Empat di sini semalam.

Menurut Mohamad Zulfika, lembu sado baka limousine itu dibelinya tiga bulan lalu daripada penternak di Terengganu bagi tujuan pembiakan.

Katanya, walaupun 'Joni' mempunyai tanduk tajam, tetapi haiwan itu jinak dan mudah dikawal, malah sesiapa sahaja boleh menyentuhnya.

Sebelum ini, lelaki itu pernah menjual lembu sado pada harga RM7,000 dan kini terdapat seekor lagi lembu yang masih dalam peliharaannya.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR